

D.R. 30/94

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

## RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim, Sarawak.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak) (Pindaan) 1994. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

2. Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim, Sarawak, yang disebut "Ordinan" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam seksyen 2— Pindaan seksyen 2. Sarawak Bab 90.

(a) dengan memotong takrif "actuary"; dan

(b) dengan memasukkan selepas takrif "local Federal officer" takrif yang berikut:

' "local pensions authority" means the Director General of Public Service or any officer authorised by him in writing to act on his behalf;

"Minister" means the Minister of the Federal Government who is for the time being charged with the responsibility for pensions;".

Pindaan  
seksyen 3.

3. Seksyen 3 Ordinan adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) The Fund shall be administered and controlled by a Board of Management comprising—

- (a) the local pensions authority, who shall be the Chairman;
- (b) two officers from the Public Service Department, Malaysia, to be appointed by the Director General of Public Service;
- (c) one officer from the Chief Minister's Department, to be appointed by the State Secretary;
- (d) two officers from the State Treasury Department, to be appointed by the head of that Department; and
- (e) at least one member representing the interests of the contributors, to be appointed by the Minister."; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(2A) Members of the Board, other than the Chairman, shall hold office for such period as may be determined by the respective appointing authorities specified in subsection (2).

(2B) The Board shall appoint a Secretary who shall assist the Board in the administration of the Fund."

4. Seksyen 7 Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "approved by the Minister" dengan perkataan "appointed by the Minister".

Pindaan seksyen 7.

5. Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 35A dengan seksyen yang berikut:

Pindaan seksyen 35A.

"Revision of rates of pensions. 35<sup>A</sup>. The Minister may from time to time, on the recommendation of the Board, revise the rates or pensions payable under this Ordinance."

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim, Sarawak ("Ordinan").

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 2 Ordinan untuk memansuhkan takrif "actuary" kerana takrif itu tidak lagi penting memandangkan pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 7.

*Fasal 2* juga bertujuan mengadakan takrif "local pensions authority" dan "Minister" yang digunakan dalam Ordinan.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 3 Ordinan untuk menjelaskan keanggotaan Lembaga Pengurusan Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Ordinan.

4. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 7 untuk memberi Menteri kuasa untuk melantik aktuari untuk menjalankan penilaian Kumpulan Wang di bawah seksyen itu.

5. *Fasal 5* bertujuan untuk membolehkan Menteri, dari semasa ke semasa, atas syor Lembaga menyemak semula kadar pencen yang kena dibayar di bawah Ordinan.

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U) 1561.]